



30 Ogos 2024
30 August 2024
P.U. (B) 345

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KOD PERLINDUNGAN PENGGUNA PENERBANGAN MALAYSIA (PINDAAN) 2024

MALAYSIAN AVIATION CONSUMER PROTECTION (AMENDMENT) CODE 2024

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA 2015

KOD PERLINDUNGAN PENGGUNA PENERBANGAN MALAYSIA (PINDAAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 69(1) Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [*Akta 771*], Suruhanjaya membuat kod yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kod ini bolehlah dinamakan **Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia (Pindaan) 2024**.

(2) Kecuali perenggan 8A, Kod ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2024.

(3) Perenggan 8A mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

Pindaan am

2. Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016 [*P.U. (B) 305/2016*], yang disebut “Kod ibu” dalam Kod ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “penumpang” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pengguna”.

Pindaan perenggan 2

3. Perenggan 2 Kod ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “Kad OKU” takrif yang berikut:

‘ “kelewatan” ertinya masa antara waktu perlepasan yang dijadualkan dengan waktu perlepasan yang sebenar; ’;

(b) dalam takrif “sukarela”—

(i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “scheduled departure time” dengan perkataan “scheduled time of departure”; dan

- (ii) dengan menggantikan perkataan “pampasan dan penjagaan” dengan perkataan “hak”;
- (c) dalam takrif “tiket”, dengan menggantikan noktah di hujung takrif itu dengan koma bernoktah; dan
- (d) dengan memasukkan selepas takrif “tiket” takrif yang berikut:

“ “waktu perlepasan yang dijadualkan” ertinya tarikh dan waktu perlepasan penerbangan yang dinyatakan pada tiket.’.

Pindaan perenggan 3

4. Kod ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 3 dengan perenggan yang berikut:

“Penzahiran sepenuhnya tambang penerbangan

3. (1) Bagi maksud iklan suatu tambang penerbangan, suatu syarikat penerbangan hendaklah menerbitkan harga terangkum bagi tambang penerbangan itu yang hendaklah terdiri daripada—

- (a) tambang asas, termasuk semua caj yang kena dibayar kepada syarikat penerbangan itu;
- (b) apa-apa cukai dan fi yang dikenakan oleh Kerajaan;
- (c) apa-apa fi dan caj yang ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (d) surcaj bahan api; dan
- (e) apa-apa fi dan caj lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya untuk dikenakan ke atas pengguna oleh penyedia perkhidmatan penerbangan.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), iklan itu tidak boleh sesuatu yang palsu, mengelirukan atau memperdayakan.

(3) Sebelum pembelian tiket oleh pengguna, suatu syarikat penerbangan hendaklah menzahirkan harga muktamad tambang penerbangan yang perlu dibayar yang hendaklah terdiri daripada—

- (a) tambang asas, termasuk semua caj yang kena dibayar kepada syarikat penerbangan itu;
- (b) apa-apa cukai dan fi yang dikenakan oleh Kerajaan;
- (c) apa-apa fi dan caj yang ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (d) surcaj bahan api;
- (e) caj bagi perkhidmatan pilihan yang dibeli oleh pelanggan secara pilih-masuk; dan
- (f) apa-apa fi dan caj lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya untuk dikenakan kepada pengguna oleh penyedia perkhidmatan penerbangan.

(4) Bagi maksud perenggan ini, Suruhanjaya boleh menghendaki suatu syarikat penerbangan untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.”.

Pindaan perenggan 7

5. Subsubperenggan 7(3)(g) Kod ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “maklumat perhubungan syarikat penerbangan” perkataan “untuk bantuan dan aduan”.

Pemotongan perenggan 7A

6. Kod ibu dipinda dengan memotong perenggan 7A.

Pindaan perenggan 8

7. Kod ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 8 dengan perenggan yang berikut:

“Pemberitahuan tentang perubahan status penerbangan

8. (1) Bagi maksud perenggan ini, “perubahan status penerbangan” ertinya—

- (a) pembatalan sesuatu penerbangan;
- (b) kelewatan selama tiga puluh minit atau lebih dalam waktu perlepasan yang dijadualkan bagi sesuatu penerbangan;
- (c) pemberhentian laluan; atau
- (d) penjadualan semula penerbangan.

(2) Syarikat penerbangan hendaklah memastikan bahawa terma dan syarat am kontrak pengangkutan hendaklah mengandungi obligasi untuk memberitahu pengguna tentang apa-apa perubahan status penerbangan.

(3) Sesuatu syarikat penerbangan yang beroperasi hendaklah memberitahu pengguna dan memberikan maklumat kepada orang ramai tentang apa-apa perubahan status penerbangan, dengan secepat yang dapat dilaksanakan sehingga Suruhanjaya berpuas hati.

(4) Bagi maksud subperenggan (3), hendaklah menjadi kewajipan syarikat penerbangan yang beroperasi untuk menunjukkan bahawa pengguna telah diberitahu dan orang ramai telah diberikan maklumat.

(5) Syarikat penerbangan yang beroperasi hendaklah, jika diminta oleh pengguna yang terjejas oleh pembatalan sesuatu penerbangan atau kelewatan selama tiga puluh minit atau lebih dalam waktu perlepasan yang dijadualkan bagi sesuatu penerbangan, memberikan pengguna itu suatu surat berkenaan dengan pembatalan atau kelewatan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam masa tujuh hari bekerja dari tarikh permintaan.

(6) Walau apa pun subperenggan (3)—

(a) dalam hal suatu pemberhentian laluan, syarikat penerbangan yang beroperasi itu hendaklah memberitahu pengguna dan memberikan maklumat kepada orang ramai tentang pemberhentian itu dalam tempoh satu bulan sebelum tarikh pemberhentian itu; dan

(b) dalam hal suatu penjadualan semula penerbangan selama tiga jam atau lebih sebelum atau selepas waktu perlepasan yang dijadualkan, syarikat penerbangan yang beroperasi itu hendaklah memberitahu pengguna tentang waktu perlepasan baharu apabila penjadualan semula itu telah ditentukan atau sekurang-kurangnya dua puluh empat jam dari waktu perlepasan yang dijadualkan.

(7) Apabila berlakunya sesuatu perubahan status penerbangan yang mengakibatkan penerbangan itu tidak lagi tersedia, syarikat penerbangan yang berkontrak itu hendaklah mengeluarkan dengan serta-merta penerbangan itu daripada sistem tempahan dalam talian dan memberhentikan semua tempahan atau jualan penerbangan.

(8) Jika penerbangan yang disebut dalam subperenggan (7) dijual melalui ejen pelancongan atau melalui mana-mana portal pelancongan, syarikat penerbangan yang berkontrak itu hendaklah memastikan bahawa penerbangan

tersebut dikeluarkan dengan serta-merta daripada semua sistem tempahan dan memberhentikan semua tempahan atau jualan penerbangan itu.”.

Perenggan baharu 8A

8. Kod ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 8 perenggan yang berikut:

“Perubahan waktu perlepasan yang dijadualkan

8A. Apa-apa perubahan kepada waktu perlepasan yang dijadualkan hendaklah dimaklumkan kepada pengguna sekurang-kurangnya dua minggu sebelum perlepasan sebenar melainkan jika syarikat penerbangan yang beroperasi itu boleh membuktikan bahawa suatu perubahan lanjut kepada waktu perlepasan yang dijadualkan yang disebabkan oleh hal keadaan luar biasa atau sebab teknikal, yang tidak dapat dielakkan walaupun semua langkah yang sewajarnya telah diambil.”.

Pindaan perenggan 9

9. Kod ibu dipinda dengan memotong perenggan 9.

Pindaan Bahagian III

10. Kod ibu dipinda dalam Bahagian III dengan menggantikan kepala “HAK PENUMPANG PESAWAT UDARA” dengan kepala “HAK PENGGUNA”.

Pindaan perenggan 10

11. Kod ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 10 dengan perenggan yang berikut:

“Hak perjalanan

10. (1) Bagi maksud Bahagian ini, seseorang pengguna hendaklah mempunyai hak di bawah Kod ini jika pengguna itu—

(a) mempunyai tempahan yang disahkan dalam penerbangan yang berkenaan; atau

- (b) telah dipindahkan ke penerbangan yang lain oleh suatu syarikat penerbangan daripada penerbangan yang baginya dia mempunyai tempahan, tanpa mengira sebab.

(2) Tertakluk kepada subperenggan (1), seseorang pengguna hendaklah mempunyai hak di bawah Kod ini jika pengguna itu—

- (a) tidak dibenarkan menaiki pesawat atas alasan kurang upaya sebagaimana yang disebut dalam perenggan 10A;
- (b) telah terjejas oleh mana-mana kegendalaan penerbangan sebagaimana yang disebut dalam perenggan 11, 12 atau 12A;
- (c) mengalami kehilangan, kerosakan atau kelewatan bagasi sebagaimana yang disebut dalam perenggan 13; atau
- (d) mengalami kehilangan atau kerosakan kelengkapan mobiliti atau alat bantuan sebagaimana yang disebut dalam perenggan 14.

(3) Bagi mengelakkan keraguan, pengguna yang disebut dalam subperenggan (1) termasuklah seorang pengguna dengan tiket yang dikeluarkan di bawah program pengguna penerbangan kerap atau program komersial lain oleh sesuatu syarikat penerbangan.

(4) Walau apa pun terma dan syarat sesuatu tiket, hak seorang pengguna adalah kumulatif bila mana terpakai.

MISALAN

Seorang pengguna telah membeli tiket untuk suatu perjalanan dari KUL ke MEL dengan Syarikat Penerbangan A dan penerbangan itu dijadualkan untuk berlepas pada jam 2000. Pada hari perlepasan, selepas mendaftar masuk di lapangan terbang, pengguna telah menerima pemberitahuan daripada Syarikat Penerbangan A yang memberitahu pengguna tentang

kelewatan bagi penerbangan itu dari jam 2000 ke jam 2200. Pada jam 2230, satu lagi pemberitahuan kelewatan penerbangan telah diterima oleh pengguna itu daripada Syarikat Penerbangan A yang menyatakan bahawa penerbangan itu akan ditangguh selanjutnya hingga jam 0100 keesokan harinya.

Hak pengguna adalah kumulatif, iaitu:

- (a) bagi kelewatan selama dua jam dari jam 2000 hingga jam 2200, Syarikat Penerbangan A dikehendaki menawarkan kepada pengguna makanan, minuman, panggilan telefon dan akses kepada internet; dan
- (b) bagi kelewatan selama lima jam sehingga jam 0100, Syarikat Penerbangan A dikehendaki menawarkan kepada pengguna pilihan antara bayaran balik, atau penginapan hotel (jika penginapan selama satu malam atau lebih adalah perlu) dan pengangkutan antara lapangan terbang dengan tempat penginapan (hotel atau yang lain).”.

Perenggan 10A baharu

12. Kod ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 10 perenggan yang berikut:

“Penyesuaian munasabah bagi orang kurang upaya

10A. (1) Suatu syarikat penerbangan tidak boleh menolak—

- (a) untuk menerima suatu tempahan bagi penerbangan yang berlepas dari suatu aerodrom yang baginya Kod ini terpakai; atau
- (b) untuk mengambil orang kurang upaya di aerodrom sedemikian, dengan syarat bahawa orang itu mempunyai tempahan yang sah,

atas alasan kurang upaya.

(2) Suatu syarikat penerbangan boleh menolak suatu tempahan di bawah subsubperenggan (1)(a) atau daripada mengambil orang kurang upaya di bawah subsubperenggan (1)(b) jika—

(a) penolakan itu bagi memenuhi kehendak keselamatan yang ditetapkan oleh Ketua Pegawai Operasi Pihak Berkuasa Penerbangan Awam; atau

(b) saiz pesawat udara atau pintunya menjadikan pengambilan atau pengangkutan secara fizikal orang kurang upaya itu tidak mungkin dapat dilakukan.

(3) Suatu syarikat penerbangan boleh, bagi memenuhi kehendak keselamatan yang disebut dalam subsubperenggan (2)(a), menghendaki orang kurang upaya itu untuk diiringi oleh seorang yang lain yang berupaya untuk memberikan bantuan yang diperlukan oleh orang kurang upaya itu.

(4) Sekiranya terdapat penolakan untuk menerima suatu tempahan atas alasan yang disebut dalam subsubperenggan (2)(a) atau (b), syarikat penerbangan itu hendaklah melakukan usaha yang sewajarnya untuk mencadangkan suatu alternatif yang boleh diterima kepada orang kurang upaya itu.

(5) Orang kurang upaya yang tidak dibenarkan menaiki pesawat atas alasan kurang upayanya dan mana-mana orang yang mengiringi orang itu menurut subperenggan (3) hendaklah ditawarkan hak yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(6) Hak kepada opsyen penerbangan pergi balik atau perubahan laluan hendaklah dengan syarat semua kehendak keselamatan dipenuhi.

(7) Suatu syarikat penerbangan hendaklah menjadikan tersedia kepada umum, dalam format yang boleh diakses dan dalam

sekurang-kurangnya bahasa yang sama seperti maklumat yang dijadikan tersedia kepada pengguna lain, kaedah-kaedah keselamatan yang terpakai bagi pengangkutan orang kurang upaya, dan juga apa-apa sekatan ke atas pengangkutan mereka atau ke atas pengangkutan kelengkapan mobiliti disebabkan saiz pesawat udara.

(8) Suatu syarikat penerbangan yang menolak untuk menerima tempahan atau mengambil orang kurang upaya di bawah subsubperenggan (2)(a) atau (b), atau mana-mana orang yang mengiringi orang itu walaupun subperenggan (3) dipatuhi hendaklah—

(a) dengan serta-merta memberitahu orang kurang upaya itu sebab bagi penolakan itu; dan

(b) atas permintaan orang kurang upaya itu, memberitahu sebab dalam subsubperenggan (a) secara bertulis dalam masa lima hari bekerja dari permintaan itu.

(9) Jika suatu syarikat penerbangan menerima pemberitahuan tentang keperluan bantuan oleh orang kurang upaya pada mana-mana peringkat jualan, syarikat penerbangan itu hendaklah mengambil semua langkah yang perlu untuk menyediakan bantuan itu.

(10) Jika pemberitahuan yang disebut dalam subperenggan (9) diterima sekurang-kurangnya empat puluh lapan jam sebelum waktu perlepasan yang dijadualkan, syarikat penerbangan hendaklah—

(a) menyampaikan maklumat yang berkenaan dalam masa dua belas jam daripada penerimaan pemberitahuan tentang keperluan bantuan kepada syarikat penerbangan yang beroperasi, jika tempahan tidak dibuat dengan syarikat penerbangan itu; atau

- (b) jika identiti syarikat penerbangan yang beroperasi tidak diketahui pada masa pemberitahuan, menyampaikan maklumat itu kepada syarikat penerbangan yang beroperasi dengan seberapa segera setelah identitinya diketahui.

(11) Pemberitahuan di bawah subperenggan (9) hendaklah juga terpakai bagi penerbangan pergi balik, jika penerbangan keluar dan penerbangan balik telah dikontrakkan dengan syarikat penerbangan yang sama.

(12) Jika pemberitahuan yang disebut dalam subperenggan (9) diterima kurang daripada empat puluh lapan jam sebelum waktu perlepasan yang dijadualkan, syarikat penerbangan hendaklah menyampaikan maklumat itu kepada syarikat penerbangan yang beroperasi secepat yang dapat dilaksanakan.

(13) Apabila orang kurang upaya tiba melalui udara di aerodrom, syarikat penerbangan yang beroperasi hendaklah membuat tindakan yang munasabah bagi menyediakan bantuan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua mengikut apa-apa cara yang membolehkan orang yang berkenaan itu boleh menaiki penerbangan yang baginya dia mempunyai tempahan, dengan syarat bahawa—

- (a) pengguna itu menghadirkan diri bagi daftar masuk pada masa yang ditentukan oleh syarikat penerbangan yang beroperasi; atau
- (b) pengguna itu tiba pada suatu tempat dalam sempadan lapangan terbang yang ditetapkan mengikut subperenggan (20) pada masa yang ditentukan oleh syarikat penerbangan yang beroperasi.

(14) Apabila orang kurang upaya bertransit melalui aerodrom, atau dipindahkan oleh syarikat penerbangan yang beroperasi dari penerbangan yang

baginya orang itu mempunyai tempahan ke penerbangan yang lain, syarikat penerbangan yang beroperasi itu hendaklah bertanggungjawab bagi memastikan penyediaan bantuan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua mengikut apa-apa cara yang membolehkan orang itu menaiki penerbangan yang baginya dia mempunyai tempahan.

(15) Semasa ketibaan orang kurang upaya di aerodrom, syarikat penerbangan yang beroperasi hendaklah bertanggungjawab bagi memastikan penyediaan bantuan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua mengikut apa-apa cara yang membolehkan orang itu tiba ke tempat perlepasan dari aerodrom yang disebut dalam subperenggan (20).

(16) Bantuan yang disediakan hendaklah, setakat yang mungkin, bersesuaian dengan keperluan tertentu pengguna individu.

(17) Orang kurang upaya hendaklah berhak menggunakan perkhidmatan kerusi roda secara percuma apabila mengemukakan kad OKU.

(18) Syarikat penerbangan hendaklah—

- (a) memastikan bahawa semua kakitangan, termasuk kakitangan yang diambil bekerja oleh mana-mana subkontraktor, yang menyediakan bantuan terus kepada orang kurang upaya mempunyai pengetahuan tentang cara untuk memenuhi keperluan orang yang mempunyai pelbagai ketakupayaan;
- (b) memberikan latihan kesamarataan dan kesedaran mengenai orang kurang upaya kepada semua kakitangan yang bekerja di aerodrom yang berurusan secara terus dengan orang awam yang membuat perjalanan; dan

- (c) memastikan bahawa, selepas pengambilan, semua pekerja baharu menghadiri latihan berkaitan dengan orang kurang upaya dan semua kakitangan mengikuti kursus latihan ulang kaji apabila perlu.

(19) Seseorang pengendali aerodrom hendaklah bertanggungjawab bagi memastikan penyediaan ameniti dan kemudahan berstruktur untuk orang kurang upaya mengikut apa-apa cara yang membolehkan orang itu menaiki penerbangan yang baginya dia mempunyai tempahan.

(20) Pengendali aerodrom hendaklah—

- (a) menetapkan tempat ketibaan dan perlepasan dalam sempadan lapangan terbang atau di suatu tempat di bawah kawalan langsung pengendali aerodrom itu, di dalam dan di luar bangunan terminal, yang orang kurang upaya boleh, dengan mudah, mengumumkan ketibaannya di lapangan terbang dan meminta bantuan; dan
- (b) memastikan yang tempat ketibaan dan perlepasan yang disebut dalam subsubperenggan (a) ditandakan dengan jelas dan menawarkan maklumat asas mengenai lapangan terbang, dalam format yang boleh diakses.”.

Pindaan perenggan 11

13. Perenggan 11 Kod ibu dipinda—

- (a) dalam subperenggan (2), dengan menggantikan perkataan “pampasan dan penjagaan” dengan perkataan “hak”; dan
- (b) dengan menggantikan subperenggan (3) dengan subperenggan yang berikut:

“(3) Jika bilangan pengguna secara sukarela tidak mencukupi, syarikat penerbangan yang beroperasi boleh untuk tidak membenarkan pesawat dinaiki oleh mana-mana pengguna sebelum pengguna itu menaiki pesawat udara dan hendaklah dengan serta-merta menawarkan hak mengikut Jadual Pertama.”.

Pindaan perenggan 12

14. Perenggan 12 Kod ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Kelewatan dan pembatalan penerbangan”;

(b) dalam subperenggan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Jika sesuatu syarikat penerbangan yang beroperasi semunasabahnya menjangkakan kelewatan suatu penerbangan” dengan perkataan “Jika suatu penerbangan lewat”;

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “syarikat penerbangan yang beroperasi hendaklah” perkataan “memberitahu dan”; dan

(iii) dengan menggantikan perkataan “pampasan dan penjagaan” dengan perkataan “hak”;

(c) dengan menggantikan subperenggan (3) dengan subperenggan yang berikut:

“(3) Had liabiliti di bawah subperenggan (2) adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.”;

- (d) dengan menggantikan subperenggan (5) dengan subperenggan yang berikut:

“(5) Bagi maksud subperenggan (1), jika pilihan bayaran balik terpakai, syarikat penerbangan yang beroperasi itu hendaklah terlebih dahulu menawarkan bayaran balik melainkan jika pengguna memilih pilihan berlainan yang tersedia.”;

- (e) dengan memasukkan selepas subperenggan (5) subperenggan yang berikut:

“(5A) Syarikat penerbangan yang beroperasi itu boleh menawarkan mana-mana bentuk bayaran balik alternatif lain sebagai tambahan kepada bayaran balik yang disebut dalam subperenggan (5) sekiranya syarikat penerbangan yang beroperasi itu boleh membuktikan bahawa pembatalan atau kelewatan selama lima jam atau lebih itu adalah disebabkan oleh hal keadaan luar biasa, yang tidak dapat dielakkan walaupun semua langkah yang sewajarnya telah diambil.”; dan

- (f) dengan memotong subperenggan (6).

Pindaan perenggan 12A

15. Kod ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 12A dengan perenggan yang berikut:

“Pemberhentian laluan dan penjadualan semula penerbangan

12A. (1) Apabila sesuatu syarikat penerbangan yang beroperasi—

(a) memutuskan untuk memberhentikan sesuatu laluan;
atau

(b) memutuskan untuk melaksanakan penjadualan

semula penerbangan tiga jam atau lebih sebelum atau selepas waktu perlepasan yang dijadualkan,

syarikat penerbangan yang beroperasi itu hendaklah memberitahu dan menawarkan hak kepada pengguna sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), syarikat penerbangan yang beroperasi itu hendaklah terlebih dahulu menawarkan bayaran balik melainkan jika pengguna memilih pilihan berlainan yang tersedia.

(3) Syarikat penerbangan yang beroperasi itu boleh menawarkan mana-mana bentuk bayaran balik alternatif lain sebagai tambahan kepada bayaran balik yang disebut dalam subperenggan (2) sekiranya syarikat penerbangan yang beroperasi itu boleh membuktikan bahawa pemberhentian laluan atau penjadualan semula penerbangan itu adalah disebabkan oleh hal keadaan luar biasa, yang tidak dapat dielakkan walaupun semua langkah yang sewajarnya telah diambil.

(4) Hal keadaan luar biasa disifatkan wujud apabila impak suatu keputusan pengurusan trafik udara berhubung dengan suatu pesawat udara tertentu pada suatu hari tertentu menimbulkan kelewatan yang lama, kelewatan semalaman, atau pembatalan satu atau lebih penerbangan oleh pesawat udara itu, walaupun semua tindakan munasabah telah diambil oleh syarikat penerbangan yang beroperasi itu bagi mengelakkan kelewatan atau pembatalan itu.”.

Pindaan perenggan 13

16. Perenggan 13 Kod ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Kehilangan, kerosakan atau kelewatan bagasi”;

- (b) dengan memotong subperenggan (2);
- (c) dengan menggantikan subperenggan (5) dengan subperenggan yang berikut:

“(5) Had liabiliti bagi kelewatan, kehilangan atau kerosakan bagasi dalam sesuatu penerbangan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.”; dan

- (d) dengan memasukkan selepas subperenggan (10) subperenggan yang berikut:

“(10A) Aduan yang disebut dalam perenggan ini termasuklah suatu Laporan Ketakteraturan Harta.”.

Pindaan perenggan 14

17. Kod ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 14 dengan perenggan yang berikut:

“Kehilangan atau kerosakan kelengkapan mobiliti dan alat bantuan

14. (1) Jika kelengkapan mobiliti atau alat bantuan pengguna hilang atau rosak semasa dikendalikan di aerodrom atau dipindahkan ke dalam pesawat udara, syarikat penerbangan yang beroperasi adalah bertanggung untuk memberikan pampasan bagi kehilangan atau kerosakan itu sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Jika syarikat penerbangan yang beroperasi tidak sama dengan syarikat penerbangan yang berkontrak, pengguna mempunyai hak untuk mengemukakan aduan atau membuat tuntutan bagi kerugian terhadap syarikat penerbangan yang beroperasi atau syarikat penerbangan yang berkontrak itu.”.

Pindaan perenggan 15

18. Subsubperenggan 15(2)(a) Kod ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pampasan dan penjagaan” dengan perkataan “hak”.

Perenggan baharu 15A dan 15B

19. Kod ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 15 perenggan yang berikut:

“Bayaran balik kepada pengguna

15A. (1) Selain hak di bawah perenggan 10 dan tertakluk kepada terma dan syarat suatu tiket, syarikat penerbangan yang berkontrak hendaklah, apabila dituntut oleh pengguna, membayar balik kepada pengguna—

- (a) tambang asas, termasuk semua caj yang kena dibayar kepada syarikat penerbangan;
- (b) caj bagi perkhidmatan pilihan yang dibeli oleh pengguna secara pilih-masuk;
- (c) surcaj bahan api;
- (d) cukai dan fi yang dikenakan oleh Kerajaan;
- (e) fi dan caj yang ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis; dan
- (f) apa-apa fi dan caj lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya untuk dikenakan ke atas pengguna oleh penyedia perkhidmatan penerbangan.

(2) Walau apa pun subperenggan (1), syarikat penerbangan yang berkontrak hendaklah membayar balik surcaj bahan api, cukai, fi, dan caj yang disebut dalam subsubperenggan (1)(c), (d), (e) dan (f) sekiranya pengangkutan

pengguna dengan perkhidmatan pengangkutan udara tidak diberikan kepada pengguna itu.

(3) Bagi maksud bayaran balik surcay bahan api, cukai, fi, dan caj yang disebut dalam subsubperenggan (1)(c), (d), (e) dan (f), syarikat penerbangan yang berkontrak boleh mengenakan fi pemprosesan sehingga lima peratus daripada surcay bahan api, cukai, fi, atau caj itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Jika syarikat penerbangan yang berkontrak telah mengenakan fi pemprosesan bagi maksud bayaran balik tambang asas atau caj yang disebut dalam subsubperenggan (1)(a) dan (b), syarikat penerbangan yang berkontrak itu tidak lagi boleh mengenakan apa-apa fi pemprosesan bagi mana-mana bayaran balik yang disebut dalam subperenggan (3).

(5) Walau apa pun subperenggan (1), (2), (3) dan (4), Suruhanjaya boleh menentukan bayaran balik mana-mana fi atau caj lain yang disifatkan patut bagi maksud perenggan ini.

(6) Syarikat penerbangan yang berkontrak hendaklah meremit apa-apa bayaran balik kepada pengguna dalam masa tiga puluh hari dari tarikh tuntutan bagi bayaran balik itu.

(7) Jika sesuatu tiket dibeli daripada seseorang ejen pelancongan atau melalui mana-mana portal pelancongan, syarikat penerbangan yang berkontrak hendaklah meremitkan apa-apa bayaran balik kepada ejen pelancongan atau portal pelancongan itu dalam masa tiga puluh hari dari tarikh tuntutan bagi bayaran balik oleh pengguna mengikut terma dan syarat antara syarikat penerbangan yang berkontrak dengan ejen pelancongan atau antara syarikat penerbangan yang berkontrak dengan portal pelancongan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Bentuk bayaran balik

15B. Bagi maksud Bahagian ini, bayaran balik yang hendaklah dibayar kepada pengguna hendaklah dalam bentuk yang sama seperti cara bayaran asal yang dibuat oleh pengguna pada waktu pembelian tiket oleh pengguna.”.

Pindaan perenggan 17

20. Subperenggan 17(1) Kod ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “di syarikat penerbangan atau pengendali aerodrom” perkataan “, atau tapak rangkaian sosial atau apa-apa format elektronik atau digital lain”.

Pindaan perenggan 18

21. Perenggan 18 Kod ibu dipinda—

- (a) dalam subperenggan (2), dengan menggantikan perkataan “satu tahun” dengan perkataan “dua tahun”;
- (b) dalam subsubperenggan (3)(a), dengan memasukkan selepas perkataan “penolakannya dan” perkataan “, jika sesuai,”;
- (c) dengan menggantikan subperenggan (5) dengan subperenggan yang berikut:

“(5) Suatu aduan boleh dibawa di hadapan Suruhanjaya jika tuntutan di hadapan mahkamah telah ditarik balik, ditinggalkan atau dibatalkan.”; dan
- (d) dalam subperenggan (10), dengan menggantikan perkataan “subperenggan (4)” dengan perkataan “subperenggan (8)”.

Pindaan perenggan 21

22. Perenggan 21 Kod ibu dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan (e);

(b) dengan memasukkan selepas subperenggan (e) subperenggan yang berikut:

“(ee) statistik atau maklumat yang berhubungan dengan fi atau caj yang dipungut;” dan

(c) dalam subperenggan (f), dengan memasukkan selepas perkataan “apa-apa” perkataan “statistik atau”.

Perenggan baharu 21A

23. Kod ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 21 perenggan yang berikut:

“Wang tak dituntut

21A. Apa-apa wang yang disebut di bawah Kod ini yang tidak dibayar balik kepada pengguna hendaklah diserahkan simpan dengan Pendaftar Wang Tak Dituntut mengikut peruntukan Akta Wang Tak Dituntut 1965 [*Akta 370*].”.

Pindaan perenggan 22

24. Perenggan 22 Kod ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Bahagian II Kod, perenggan 11, 12, 12A, 13, 14, 15, 17 dan 18 Kod, Bahagian V Kod, dan Bahagian IV Kod” dengan perkataan “Kod ini”.

Pindaan Jadual Pertama

25. Kod ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan jadual yang berikut:

“JADUAL PERTAMA
[Perenggan 10A, 11, 12, 12A dan 14]

HAK PENGGUNA

<i>Bil.</i>	<i>Peruntukan</i>	<i>Perihal</i>	<i>Hak</i>
1.	Perenggan 10A	Tidak membenarkan orang kurang upaya menaiki pesawat atas alasan kurang upayanya	Orang kurang upaya dan mana-mana orang yang mengiringinya hendaklah ditawarkan dan boleh memilih pilihan yang berikut: (a) dibayar balik dalam masa tiga puluh hari, bagi kos tiket sepenuhnya pada harga yang dibeli, termasuk tambang asas, caj bagi perkhidmatan pilihan, surcaj bahan api, caj, cukai, dan fi, bagi bahagian atau bahagian-bahagian perjalanan yang tidak dilakukan, dan bagi bahagian atau bahagian-bahagian yang telah dilakukan jika penerbangan itu tidak lagi menyediakan perkhidmatan bagi apa-apa maksud berhubung dengan perancangan perjalanan asal pengguna, tanpa hak untuk menaiki pesawat; (b) penerbangan balik semula ke tempat pertama perlepasan, pada peluang yang terawal; atau (c) perubahan laluan, di bawah keadaan pengangkutan yang setanding, ke destinasi akhir

			mereka pada peluang yang terawal atau pada tarikh yang kemudian mengikut kesesuaian pengguna, tertakluk kepada ketersediaan tempat duduk, tanpa dikenakan bayaran tambahan. Dalam hal apabila beberapa lapangan terbang menyediakan perkhidmatan bagi sesuatu pekan, bandar atau wilayah, syarikat penerbangan yang beroperasi menawarkan kepada seseorang pengguna penerbangan ke suatu lapangan terbang yang merupakan alternatif kepada lapangan terbang yang baginya tempahan dibuat, syarikat penerbangan yang beroperasi itu hendaklah menanggung kos pemindahan pengguna itu dari lapangan terbang alternatif itu ke lapangan terbang yang baginya tempahan dibuat, atau ke destinasi lain yang berhampiran yang dipersetujui dengan pengguna itu.
2.	Perenggan 11	Tidak dibenarkan menaiki pesawat	Pengguna hendaklah ditawarkan dan boleh memilih pilihan yang berikut: (a) dibayar balik dalam masa tiga puluh hari, bagi kos tiket sepenuhnya pada harga yang dibeli, termasuk tambang asas, caj bagi perkhidmatan pilihan, surcaj bahan api, caj, cukai dan fi, bagi bahagian atau bahagian-bahagian perjalanan

			yang tidak dilakukan, dan bagi bahagian atau bahagian-bahagian yang telah dilakukan jika penerbangan itu tidak lagi menyediakan perkhidmatan bagi apa-apa maksud berhubung dengan perancangan perjalanan asal pengguna, tanpa hak untuk menaiki pesawat; atau (b) perubahan laluan, di bawah keadaan pengangkutan yang setanding, ke destinasi akhir mereka pada peluang yang terawal atau pada tarikh yang kemudian mengikut kemudahan pengguna, tertakluk kepada ketersediaan tempat duduk, tanpa dikenakan bayaran tambahan, dan penjagaan semasa menunggu perubahan laluan, secara percuma, termasuk— (i) makanan, panggilan telefon yang terhad dan akses kepada internet; dan (ii) penginapan di hotel dan pengangkutan antara lapangan terbang dengan tempat penginapan (hotel atau yang lain) apabila penginapan selama satu malam atau lebih adalah perlu.
--	--	--	---

			Dalam hal apabila beberapa lapangan terbang menyediakan perkhidmatan bagi sesuatu pekan, bandar atau wilayah, sesuatu syarikat penerbangan yang beroperasi menawarkan kepada seseorang pengguna penerbangan ke suatu lapangan terbang yang merupakan alternatif kepada lapangan terbang yang baginya tempahan dibuat, syarikat penerbangan yang beroperasi itu hendaklah menanggung kos pemindahan pengguna itu dari lapangan terbang alternatif itu ke lapangan terbang yang baginya tempahan dibuat, atau ke destinasi lain yang berhampiran yang dipersetujui dengan pengguna itu.
3.	Perenggan 12	Kelewatan penerbangan selama dua jam atau lebih	Pengguna hendaklah ditawarkan secara percuma, makanan, minuman, panggilan telefon yang terhad dan akses kepada internet mengikut keadaan yang munasabah dengan waktu menunggu.
4.	Perenggan 12	Kelewatan penerbangan selama lima jam atau lebih	Pengguna hendaklah ditawarkan secara percuma dan boleh memilih pilihan yang berikut: (a) dibayar balik dalam masa tiga puluh hari, bagi kos tiket sepenuhnya pada harga yang dibeli, termasuk tambang asas, caj bagi perkhidmatan pilihan, surcaj bahan api, caj, cukai, dan fi, bagi bahagian

			atau bahagian-bahagian perjalanan yang tidak dilakukan, dan bagi bahagian atau bahagian-bahagian yang telah dilakukan jika penerbangan itu tidak lagi menyediakan perkhidmatan bagi apa-apa maksud berhubung dengan perancangan perjalanan asal pengguna, tanpa hak untuk menaiki pesawat; atau (b) penginapan di hotel dan pengangkutan antara lapangan terbang dengan tempat penginapan (hotel atau yang lain) dalam hal— (i) jika penginapan selama satu malam atau lebih adalah perlu; atau (ii) jika penginapan tambahan kepada yang dirancang oleh pengguna adalah perlu.
5.	Perenggan 12	Pembatalan penerbangan	(1) Pengguna hendaklah ditawarkan dan boleh memilih pilihan yang berikut: (a) dibayar balik dalam masa tiga puluh hari, bagi kos tiket sepenuhnya pada harga yang dibeli, termasuk tambang asas, caj bagi perkhidmatan pilihan,

			surcaj bahan api, caj, cukai, dan fi, bagi bahagian atau bahagian-bahagian perjalanan yang tidak dilakukan, dan bagi bahagian atau bahagian-bahagian yang telah dilakukan jika penerbangan itu tidak lagi menyediakan perkhidmatan bagi apa-apa maksud berhubung dengan perancangan perjalanan asal pengguna, tanpa hak untuk menaiki pesawat; atau (b) perubahan laluan, di bawah keadaan pengangkutan yang setanding, ke destinasi akhir mereka pada peluang yang terawal atau pada tarikh yang kemudian mengikut kemudahan pengguna, tertakluk kepada ketersediaan tempat duduk, tanpa dikenakan bayaran tambahan. (2) Jika sesuatu syarikat penerbangan yang beroperasi menawarkan kepada seseorang pengguna penerbangan ke suatu lapangan terbang yang merupakan alternatif kepada lapangan terbang yang
--	--	--	--

			baginya tempahan dibuat, syarikat penerbangan yang beroperasi itu hendaklah menanggung kos pemindahan pengguna itu dari lapangan terbang alternatif itu ke lapangan terbang yang baginya tempahan dibuat, atau ke destinasi lain yang berhampiran yang dipersetujui oleh pengguna itu.
6.	Perenggan 12A	Pemberhentian lalan	(1) Pengguna hendaklah ditawarkan dan boleh memilih pilihan yang berikut: (a) dibayar balik dalam masa tiga puluh hari, bagi kos tiket sepenuhnya pada harga yang dibeli, termasuk tambang asas, caj bagi perkhidmatan pilihan, surcaj bahan api, caj, cukai, dan fi, bagi bahagian atau bahagian-bahagian perjalanan yang tidak dilakukan, dan bagi bahagian atau bahagian-bahagian yang telah dilakukan jika penerbangan itu tidak lagi menyediakan perkhidmatan bagi apa-apa maksud berhubung dengan perancangan perjalanan asal pengguna, tanpa hak untuk menaiki pesawat; atau (b) perubahan lalan, di bawah

			keadaan pengangkutan yang setanding, ke destinasi akhir mereka pada peluang yang terawal atau pada tarikh yang kemudian mengikut kemudahan pengguna, tertakluk kepada ketersediaan tempat duduk, tanpa dikenakan bayaran tambahan. (2) Jika suatu syarikat penerbangan yang beroperasi menawarkan kepada seseorang pengguna penerbangan ke suatu lapangan terbang yang merupakan alternatif kepada lapangan terbang yang baginya tempahan dibuat, syarikat penerbangan yang beroperasi itu hendaklah menanggung kos pemindahan pengguna itu dari lapangan terbang alternatif itu ke lapangan terbang yang baginya tempahan dibuat, atau ke destinasi lain yang berhampiran yang dipersetujui oleh pengguna itu.
7.	Perenggan 12A	Penjadualan semula penerbangan	(1) Pengguna hendaklah ditawarkan dan boleh memilih pilihan yang berikut: (a) dibayar balik dalam masa tiga puluh hari, bagi kos tiket sepenuhnya pada harga yang dibeli, termasuk tambang asas, caj bagi perkhidmatan

			pilihan, surcay bahan api, caj, cukai, dan fi, bagi bahagian atau bahagian-bahagian perjalanan yang tidak dilakukan, dan bagi bahagian atau bahagian-bahagian yang telah dilakukan jika penerbangan itu tidak lagi menyediakan perkhidmatan bagi apa-apa maksud berhubung dengan perancangan perjalanan asal pengguna, tanpa hak untuk menaiki pesawat; atau (b) perubahan laluan, di bawah keadaan pengangkutan yang setanding, ke destinasi akhir mereka pada peluang yang terawal atau pada tarikh yang kemudian mengikut kemudahan pengguna, tertakluk kepada ketersediaan tempat duduk, tanpa dikenakan bayaran tambahan. (2) Jika sesuatu syarikat penerbangan yang beroperasi menawarkan kepada seseorang pengguna penerbangan ke suatu lapangan terbang yang merupakan alternatif kepada lapangan terbang yang baginya tempahan dibuat, syarikat
--	--	--	---

			penerbangan yang beroperasi itu hendaklah menanggung kos pemindahan pengguna itu dari lapangan terbang alternatif itu ke lapangan terbang yang baginya tempahan dibuat, atau ke destinasi lain yang berhampiran yang dipersetujui oleh pengguna itu.
8.	Perenggan 14	Kehilangan atau kerosakan kelengkapan mobiliti atau alat bantu	Pengguna hendaklah diberikan pampasan berdasarkan harga pasaran semasa kelengkapan atau alat itu.

”.

Pindaan Jadual Kedua

26. Jadual Kedua kepada Kod ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan kepala “[Perenggan 9]” dengan kepala “[Perenggan 10A]”; dan

(b) dalam subperenggan 1(a), dengan menggantikan perkataan “subperenggan 9(19)” dengan perkataan “subperenggan 10A(20)”.

Jadual Ketiga Baharu

27. Kod ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Kedua, jadual yang berikut:

“JADUAL KETIGA
